



AT-TAQWA

Diterbitkan Oleh: JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

Bil. 8

**Syawal 1426H
Disember 2005M**

web : www.muftiselangor.gov.my

emel : mufti_sel@selangor.gov.my

التقوى



ISI KANDUNGAN

- 6 FENOMENA GEJALA SOSIAL
BELIA-REMAJA DARI
PERSPEKTIF SYARIAH.
10 AKTIVITI JABATAN MUFTI
NEGERI SELANGOR.**

- 12 KEPUTUSAN FATWA NEGERI
SELANGOR.
14 ISU DAN PERMASALAHAN
SEMASA
18 TELESKOP.**

**SIDANG REDAKSI****PENAUNG**

Sahibus Samahah
Dato' Setia Hj. Mohd. Tamyas
B. Abd. Wahid
Dato' Seri Utama Diraja
Mufti Negeri Selangor

PENASIHAT

Sahibus Samahah
Dato' Hj. Abdul Majid B. Hj. Omar
Timbalan Mufti Negeri Selangor

KETUA PENGARANG

Ustaz Hj. Mohd Basori B. Umar

KETUA EDITOR

Encik Mohammad Nabil
B. Hj. Abu Naim

SIDANG PENGARANG

Ustaz Hj. Zainal Abidin B. Sulaiman
Encik Abdul Razak B. Johar
Ustaz Nurhelmi B. Ikhsan
Ustaz Hairul Anuar B. Samingan
Ustazah Norzila Bt. Mohd Nor
Ustaz Abdul Latip B. Ibrahim
Ustazah Siti Maswari Bt. Daem

SIDANG EDITOR

Puan Norhidah Bt. Kampol
Cik Umi Sofiah Bt. Saad
Cik Norlida Bt. Abdullah

JURUTAIP

Ustazah Norhazanah Bt. Sarlan
Puan Nur Washifaia Bt. Radzuan

EDARAN

Encik Abdul Hamid B. Arasat
Encik Khalid B. Abdul Hamid
Tuan Hj. Zasali B. Mohd. Yunus
Encik Amiruddin B. Hamzah
Encik Hanif B. Mohd Arif

PERUTUSAN

SAHIBUS SAMAHAH
DATO' SERI UTAMA DIRAJA
MUFTI NEGERI SELANGOR



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته .

Alhamdulillah, segala pujian dan syukur kita panjatkan kehadrat Allah S.W.T. yang sentiasa melimpahkan taufiq dan hidayah-Nya sehingga kita dapat melaksanakan tugas dan kewajipan sebagai khalifah. Selawat serta salam sejahtera sentiasa dilimpahkan kepada pemimpin agung umat manusia sepanjang zaman, baginda Nabi Muhammad S.A.W., para ahli keluarga, sahabat, tabi'in dan generasi selanjutnya yang mengikut jejak langkah mereka sehingga ke akhir zaman nanti.

Umat Islam di zaman kegemilangannya adalah umat yang menguasai ilmu dan kemahiran dalam pelbagai bidang. Ianya merangkumi ilmu ketuhanan, kesusilaan, sejarah, astronomi, perubatan, sains fizik, matematik, ekonomi, teknologi, pertanian dan sebagainya. Dengan penguasaan ilmulah umat Islam mampu menguasai dan membina tamadun.

Sebaliknya apabila ilmu dan kemahiran dialpa dan diabaikan, maka berlakulah kemunduran ummah dalam sesebuah negara. Kita sebenarnya masih tertinggal jauh ke belakang berbanding dengan bangsa-bangsa lain khususnya di dalam penguasaan dan kecemerlangan ilmu.

Kita semua mahukan kecemerlangan. Ingin menjadi insan yang cemerlang, pelajar yang cemerlang, ingin membina dan membentuk masyarakat yang cemerlang, tetapi kecemerlangan yang bagaimana yang kita inginkan? Apakah kita telah mempunyai ramuan dan adunan yang cukup untuk menjana kecemerlangan? Sesungguhnya kecemerlangan itu hanya dapat dibuktikan apabila berlaku perubahan sikap dalam cara kita berfikir dan bertindak melalui nilai-nilai murni dan etika yang telah digariskan oleh Islam.

Masa terus berlalu dan tanpa tidak disedari, kita telah berada di ambang pintu tahun baru 1427 hijriah. Oleh itu, marilah kita semua menyambut tahun baru hijriah yang bakal tiba ini dengan tekad dan semangat baru untuk meningkatkan lagi ketaatan dan ketakwaan kita kepada Allah S.W.T., serta berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Amin.

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

ISI KANDUNGAN

- | | | | |
|-----------|--|-----------|--|
| 2 | PERUTUSAN MUFTI, SIDANG REDAKSI. | 14 | ISU DAN PERMASALAHAN SEMASA |
| 3 | JABATAN MUFTI PADA ABAD KE 21. | | "GARIS PANDUAN MENGENAI ANAK TAK |
| 5 | KISAH TAULADAN. | | SAH TARAF MENURUT HUKUM SYARA". |
| 6 | FENOMENA GEJALA SOSIAL BELIA-REMAJA | 15 | ISU DAN PERMASALAHAN SEMASA |
| | DARI PERSPEKTIF SYARIAH. | | "HARTA SEPENCARIAN SELEPAS |
| 8 | PERBEZAAN TARIKH SAMBUTAN | | KEMATIAN SALAH SATU PIHAK DALAM |
| | AIDUL ADHA ANTARA MALAYSIA DAN ARAB | | PERKAHWINAN DI NEGERI SELANGOR". |
| | SAUDI (SAMBUNGAN). | 16 | ANDA BERTANYA JABATAN MUFTI MENJAWAB. |
| 10 | AKTIVITI JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR. | 17 | TELESKOP. |
| 12 | KEPUTUSAN FATWA NEGERI SELANGOR. | 19 | PENGESAHAN ARAH KIBLAT. |



JABATAN MUFTI SELANGOR PADA ABAD KE 21

Oleh : Encik Abdul Razak B. Johar (Bahagian Pentadbiran dan Kewangan)

1 PENGANUGERAHAN PERKHIDMATAN CEMERLANG

Tahniah kepada Ustaz Hj Mohd Basori B. Umar, Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S44 kerana telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2004, Jabatan Perdana Menteri pada 6 September 2005. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Y.Bhg Tan Sri Samsudin bin Osman, Ketua Setiausaha Negara. Tahniah juga diucapkan kepada Ustaz Nurhelmi B. Ikhsan, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred N27 dan Encik Abdul Hamid B. Arasat, Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 kerana telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2004 sempena Majlis Pelancaran Bulan Kualiti Tahun 2005. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor di Auditorium Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 17 Oktober 2005.



2 KONVENSYEN FALAK SYARIE SELANGOR 2005

Konvensyen Falak Syarie Selangor 2005 telah diadakan pada 24 dan 25 September 2005 di Kompleks Taman Seni Islam, Shah Alam, Selangor. Di antara aktiviti konvensyen ini adalah Seminar Keunggulan Taqvim Islam, cerapan perdana langit malam, cerapan matahari, talk-show, Forum Keunggulan Taqvim Islam dan pameran falak. Lebih 400 peserta telah menyertai konvensyen ini. Y.B. Dato' Ramlan B. Othman telah merasmikan Seminar Keunggulan Taqvim Islam, Y.Bhg. Dato' Dr. Abdul Munit B. Kasmin menjadi tetamu kehormat Cerapan Perdana Langit Malam dan majlis penutup konvensyen telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Hj. Abdul Rahman B. Palil mewakili Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor.

3 PENGURNIAAN PINGAT NEGERI SELANGOR.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Encik Abdul Razak B. Johar, Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 kerana telah dikurniakan Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T.) dan juga kepada Puan Arbaayah Bt. Bahari, Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N22 kerana telah dikurniakan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.) pada 22 September 2005 sempena Ulangtahun Keputeraan D.Y.M.M. Sultan Selangor yang ke 59.



4 LAWATAN KERJA AHLI JAWATANKUASA FATWA NEGERI SELANGOR KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Pada 19 dan 20 September, 2005 Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah mengadakan lawatan kerja ke Negara Brunei Darussalam. Tujuan lawatan adalah bagi bertukar pendapat dan pandangan di antara AJK FATWA Negeri Selangor dengan Institusi Agama Islam di negara tersebut. Antara aktiviti yang dijalankan adalah perjumpaan AJK FATWA Negeri Selangor dengan Mufti Brunei Darussalam dan Y.A.A Ketua Hakim Syarie Brunei Darussalam. Pelbagai maklumat baru diperolehi hasil daripada perbincangan di antara kedua-dua belah pihak.

5 BENGKEL KAJIAN SEMULA PEWARTAAN FATWA BERKAITAN AJARAN SESAT/SALAH NEGERI SELANGOR

Jabatan Mufti Negeri Selangor telah mengadakan Bengkel Kajian Semula Pewartaan Fatwa Berkaitan Ajaran Sesat/Salah Negeri Selangor pada 15 hingga 17 September 2005. Bengkel ini dihadiri oleh pegawai dari Jabatan Mufti Negeri Selangor sendiri, Bahagian Perundangan Syarak JAIS, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan JAIS dan Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan JAIS. Bengkel ini diadakan bagi memperkasakan lagi pewartaan fatwa berkenaan ajaran sesat yang telah diwartakan di Negeri Selangor. Ini adalah salah satu langkah bagi menguatkan dan melancarkan lagi proses pendakwaan ajaran sesat/salah di Mahkamah Syariah di Negeri Selangor.



6 HARI KELUARGA JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR 2005.

Bagi mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara kakitangan, Jabatan Mufti Negeri Selangor telah berjaya mengadakan Hari Keluarga pada 10 dan 11 September 2005 bertempat di Gunung Ledang Resort, Sagil, Tangkak, Johor. Penyertaan warga kerja disertai oleh ahli keluarga masing-masing menjadikan jumlah penyertaan adalah seramai 110 orang. Antara aktiviti yang dijalankan ialah solat berjemaah, ta'aruf, tazkirah, sukaneka dan mendaki gunung. Jabatan Mufti Negeri Selangor merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas segala sumbangan yang telah diberikan bagi menjayakan program tersebut.

9 LAWATAN KESEDARAN DAN KEINSAFAN DIRI KE KAMPUCHEA

Encik Abdul Razak B. Johar, Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 telah terpilih untuk mengikuti program Lawatan Kesedaran dan Keinsafan Diri ke Kampuchea pada 23 hingga 26 Mei 2005 anjuran Kerajaan Negeri Selangor. Tujuan lawatan adalah untuk melihat tentang kesusahan, keperitan hidup dan kesengsaraan yang dialami oleh penduduk negara tersebut. Dengan demikian, akan melahirkan keinsafan dan sikap sentiasa bersyukur terhadap limpahan nikmat dan rezeki yang telah dianugerahkan oleh Allah S.W.T di Negeri Selangor khasnya dan Malaysia umumnya.



12 LAWATAN KERJA PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

Pada 20 April, 2005 Jabatan Mufti Negeri Selangor telah menerima kunjungan seramai 8 orang warga kerja Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan yang diketuai oleh S.S Dato' Mufti Wilayah Persekutuan. Taklimat berkenaan tugas dan bidang kuasa Jabatan Mufti Negeri Selangor telah diberikan.

7 LAWATAN KERJA INSTITUT PENGURUSAN DAN PENYELIDIKAN FATWA SEDUNIA (INFAD) KUIM.

Pada 14 Julai, 2005 Jabatan Mufti Negeri Selangor telah menerima kunjungan seramai 15 orang warga Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Kolej Universiti Islam Malaysia yang diketuai oleh Dekan Fakulti Syariah & Undang-Undang, Prof. Dr. Abdul Samat Musa. Rombongan adalah terdiri daripada Pegawai, Pensyarah dan beberapa orang kakitangan. Taklimat mengenai proses pengeluaran dan pewartaan fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor telah diberikan.

8 SEMINAR PERANAN FATWA TERHADAP PEMBINAAN INSTITUSI KELUARGA

Pada 20 Jun, 2005 Jabatan Mufti Negeri Selangor telah mengadakan Seminar Peranan Fatwa Terhadap Pembinaan Institusi Keluarga bertempat di Bilik Gerakan Bangunan Annex. Ucaptama telah disampaikan oleh S.S. Dato' Setia Hj. Mohd. Tamyas bin Abd. Wahid, Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor yang bertajuk "Garis Panduan Mengenai Anak Tak Sah Taraf Menurut Hukum Syara'". Ucapan Perasmian penutup telah disempurnakan oleh Y.A.B. Dato' Seri Dr. Hj. Mohamad Khir bin Toyo, Dato' Menteri Besar Selangor.

10 KURSUS RUBU' MUJAYYAB

Jabatan Mufti Negeri Selangor telah mengadakan Kursus Rubu' Mujayyab pada 16 hingga 18 Mei 2005 bertempat di D'Muara Marine Resort Park, Sungai Haji Dorani, Sungai Besar. Seramai 23 orang peserta telah menghadiri kursus ini yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Falak dan Rukyah Negeri Selangor, kakitangan Bahagian Falak Syarie, Jabatan Mufti Negeri Sengor serta wakil daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Universiti Malaya. Tenaga penceramah ialah Ustaz Hj. Abdul Rahman B. Hussain, Yang Dipertua Persatuan Falak Malaysia dengan modul Penentuan Waktu Solat.

11 LAWATAN KERJA GURU-GURU S.R.A EHYAUL FALLAH, PEKAN SUNGAI BESAR

Pada 14 Mei, 2005 Jabatan Mufti Negeri Selangor telah menerima kunjungan seramai 40 orang guru-guru dari Sekolah Rendah Agama Ehyaul Fallah, Pekan Sungai Besar. Rombongan ini diberikan taklimat berkenaan tugas dan bidang kuasa Jabatan Mufti Negeri Selangor. Sesi soal jawab juga turut diadakan antara kedua-dua pihak.

13 PERTUKARAN KAKITANGAN

NAMA PEGAWAI/JAWATAN	BERTUKAR KE	TARIKH
Encik Mohd Aasri B. Ab. Razak Juruteknik Komputer, Gred FT17 - Kontrak.	Melanjutkan pengajian di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ke peringkat Ijazah Sarjana Muda.	1.07.2005

14 KEMASUKAN KAKITANGAN BARU

NAMA PEGAWAI	JAWATAN	TARIKH
Encik Yusrie Tay Kay Seng	Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F29 (Kontrak)	17.10.2005

15 KENAIKAN PANGKAT

NAMA PEGAWAI	JAWATAN BARU	TARIKH
Encik Mohammad Nabil B. Haji Abu Naim. Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F29 (Kontrak)	Pegawai Sistem Maklumat Gred F41 (Kontrak)	15.08.2005



KISAH TAULADAN

Encik Mohd Nabil b. Abu Naim (Bahagian Sistem Maklumat)

APAKAH DUNIA TEMPAT PERSINGGAHAN SEMENTARA?

Ibrahim bin Adham adalah berasal seorang raja yang masyhor tetapi bertukar menjadi ahli sufi yang terkenal.

Bermula perubahan kehidupan Ibrahim bin Adham apabila pada suatu malam ketika baginda tertidur di bilik istananya, langit-langit di biliknya bergerak seolah-olah ada seseorang yang sedang berjalan di atas atap. Ibrahim terjaga dan berseru : "Siakah itu?"

"Saya adalah seorang sahabat, untaku hilang, aku sedang mencarinya di atas atap ini." Terdengar sahutan dari atas.

"Bodoh, tidak ada orang mencari unta di atas atap!" Ibrahim menengkingnya.

"Wahai manusia yang lalai. Apakah engkau hendak mencari Allah S.W.T. dengan berpakaian sutera dan tidur diatas tilam emas?" Jawab suara itu penuh simbolik.

Kata-kata ini sangat menggetarkan hati Ibrahim. Ia sangat gelisah dan tidak dapat meneruskan tidurnya sehingga pagi. Seperti kebiasaannya, di sebelah siang Ibrahim berada di atas singgahsannya untuk mendengar pengaduan dan masalah rakyat jelata. Tetapi hari itu keadaan berlainan, dirinya gelisah dan banyak termenung.

Para menteri, pembesar istana dan rakyat yang hadir merasa hairan melihat perubahan yang terjadi dengan tiba-tiba kepada raja mereka.

Tiba-tiba masuk seorang lelaki berwajah menakutkan ke dalam ruangan perjumpaan itu. Tidak seorangpun di antara askar dan pengawal istana yang berani menanyakan sesuatu dan menghalangnya masuk. Kejadian berlaku begitu pantas, semua lidah menjadi kelu. Lelaki itu melangkah ke depan Ibrahim Adham.

"Apakah yang engkau inginkan daripada aku?" Tanya Ibrahim.

"Aku baru sahaja sampai, bagilah aku rehat dulu", jawab lelaki itu.

"Ini bukan tempat persinggahan kafilah. Ini istanaku. Lagak engkau seperti orang gila saja!" Ibrahim menengking.

"Siapa pemilik sebenar istana ini sebelum engkau?" Tanya lelaki itu.

"Ayahku!" Jawab Ibrahim.

"Sebelum Ayahmu?"

"Datukku!"

"Sebelum dia?"

"Datuk kepada datuk-datukku!"

"Ke manakah mereka sekarang ini?" Tanya lelaki itu.

"Mereka telah meninggalkan dunia ini", jawab Ibrahim

"Jika demikian, tidakkah ini sebuah persinggahan yang diduduki oleh seseorang kemudian ditinggalkannya dan diganti oleh yang lain pula?" kata lelaki itu.

Tersentak juga hati Ibrahim mendengar kata-kata lelaki itu. Belum sempat Ibrahim menjawab, lelaki itu mengundur ke belakang dan tiba-tiba ghaib di tengah orang ramai. Banyak para alim ulama membuat tafsiran sesungguhnya lelaki itu adalah Nabi Khidir A.S. yang sengaja datang mengetuk hati raja Ibrahim bin Adham yang semakin lalai dengan tipu daya dunia.

Kegelisahan Ibrahim semakin menjadi-jadi sejak kejadian tersebut. Ia dihantui oleh bayangan dan suara lelaki itu sejak peristiwa di istananya. Akhirnya kerana tidak tahan lagi Ibrahim memerintah pengawalnya: "Persiapkan kudaku yang terbaik! Aku hendak pergi berburu. Ya Allah! Bilakah semua ini akan berakhir?"

Ibrahim bin Adham dan rombongan terus merentasi padang pasir yang luas saujana memandangnya. Baginda memacu kudanya begitu laju sehingga akhirnya terpisah dengan rombongan tersebut. Dalam mencari jalan keluar baginda terlihat seekor rusa. Tiba-tiba Ibrahim ghairah hendak memburu rusa itu. Belum sempat berbuat apa-apa rusa itu berkata kepadanya: "Wahai manusia yang lalai. Aku disuruh Allah S.W.T. memburumu. Engkau tidak dapat menangkapku. Bertaubatlah, untuk inilah engkau diciptakanNya?"

Ibrahim yang di dalam ketakutan itu tiba-tiba terkejut dengan kata-kata itu. Baginda langsung tidak terfikir selama ini untuk apa baginda dicipta ke dunia. Sekarang keyakinan serta keimanannya telah tertanam di dalam dadanya. Seluruh pakaian dan tubuh kudanya basah oleh cucuran air mata penyesalannya selama ini. Dengan sepenuh hati Ibrahim bertaubat kepada Allah Subhanahu wata'ala.

Begitulah kehidupan seorang raja Balkh yang bernama Ibrahim bin Adham yang luas pemerintahannya dan hidup di dalam kemewahan, akhirnya berkelana menjadi ahli sufi yang terkenal. Baginda menemui Allah S.W.T. pada tahun 165H/782M di negeri Persia. Taubat Ibrahim itu merupakan sebuah kisah yang sangat unik bagi umat Islam yang merintis kehidupan yang penuh dengan tipu daya di dunia ini. Wallahu 'alam.

Dipetik dari Tazkirah al-Aulia karangan Farid ad-Din Attar, Mukhtashar ar-Raudah ar-Rauyyahin Fi Manaqib as-Salihin karangan Abu Mazaya al-Hafiz.



"FENOMENA GEJALA SOSIAL BELIA-REMAJA DARI PERSPEKTIF SYARIAH"

Oleh: Ustaz Nurhelmi B. Ikhsan (Bahagian Istihsan)

Kita mengakui bahawa krisis sosial membabitkan golongan belia/remaja memang wujud di negara ini dan kita sepatutnya perlu memandang masalah ini secara lebih serius lagi, dengan menjadikan program menangani isu ini sebagai agenda utama negara, seperti mana halnya dengan penumpuan khusus yang telah dilakukan untuk membangunkan semula sektor ekonomi negara yang terjejas teruk akibat daripada krisis kewangan tahun 1998 dahulu. Apa yang jelasnya, bersesuaian dengan gagasan pembangunan ala-Malaysia yang lebih mampan dan seimbang di antara elemen fizikal dan spiritual, bertentangan dengan konsep pembangunan ala-Barat, kita tidak boleh menganggap isu ini sebagai masalah kecil, berasaskan kepada dua asas yang utama; pertamanya, masalah ini timbul membabitkan golongan remaja yang merupakan penduduk terbesar di Malaysia dan dapat dikatakan sebagai pelapis yang bakal mewarisi tampuk pemerintahan negara suatu masa nanti. Keduanya, kegagalan membangunkan potensi golongan remaja ini bakal menjejaskan program pembangunan yang telah dijalankan, seperti halnya banyak wang negara yang terpaksa digunakan untuk memulihkan kalangan penagih dadah dan penghidap penyakit HIV/AIDS. Islam memandang semua pihak merangkumi pihak kerajaan, NGO, ibu bapa dan pelbagai pihak perlu bertanggungjawab dan bekerjasama bagi mengatasi perkara ini sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksudnya: *"Setiap kamu adalah pemimpin dan kamu akan dipersoalkan setiap apa yang kamu pimpin."* (Riwayat at-Tirmizi)

ARUS KEHIDUPAN MASA KINI

Sejak kebelakangan ini, kita merasa gembira melihat semakin banyak program-program yang diadakan termasuklah oleh pihak berkuasa dan ianya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada golongan belia. Ia mencerminkan satu perkembangan yang positif dalam masyarakat kita yang sedang berdepan dengan pelbagai masalah sosial. Ia juga memberikan isyarat yang jelas bahawa belia kita prihatin terhadap melengkapkan diri mereka dengan maklumat dan perkembangan semasa bagi memahami kedudukan dan keperluan masyarakat.

Dalam era persejagatan yang penuh cabaran ini, masyarakat Islam terutamanya golongan muda, terdedah kepada pelbagai unsur samada positif mahupun negatif. Ini mencabar keupayaan mereka membuat keputusan dan memilih jaluran kehidupan yang elok dilalui. Pada kita, jelas sekali anasir-anasir negatif bukan sahaja bertentangan dengan ajaran Islam, malah tidak sesuai dengan tata susila dan peradaban kita sebagai orang Timur. Oleh itu tidak salah seandainya kita merasa bimbang apabila golongan belia kita leka dan terikut-ikut dengan arus kehidupan yang bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Ini memandangkan sekiranya iman dan jati diri mereka kurang mantap, besar kemungkinan mereka akan hanyut bersama gelombang budaya kurang sihat.

PEMBENTANGAN REALITI MASALAH SOSIAL

Bersesuaian dengan teori yang mengatakan sesuatu masyarakat pasti akan terpengaruh dengan difusi budaya luar, teori ini dapat dianggap sebagai cukup relevan untuk konteks era globalisasi pada masa sekarang, yang menyaksikan bagaimana difusi pengaruh negatif daripada luar dapat dikesan dengan cukup meluas berkembang di dalam masyarakat Malaysia. Merujuk khusus kepada kalangan remaja yang dikatakan belum mempunyai kematangan diri dan emosi, beberapa kajian semasa telah menunjukkan golongan remaja Melayu ini mudah dipengaruhi dengan elemen budaya kuning yang dibawa oleh arus globalisasi. Hasil penelitian yang dibuat terhadap dapatan kajian semasa yang mempunyai kaitan langsung dengan perkembangan personaliti masyarakat Melayu, kita akan mendapati beberapa perkara sebagai berikut;

- i Sebahagian masyarakat Melayu moden telah dikesan menghidap penyakit psikologi yang agak kronik, penyakit gelisah dan hilang pertimbangan akal yang kemudiannya telah menyebabkan berlaku pelbagai tindakan buruk seperti bunuh diri, mengagih dadah dan arak, murtad, bohsia dan mengamalkan *"free-sex"*. Kajian ini mendapati punca utama penyakit gelisah ini berlaku adalah akibat daripada kurang iman dan tidak menuruti kehendak agama.
- ii Golongan remaja Melayu yang menjadi pengguna terbesar internet (*cyber cafe*) didapati menggunakan saluran internet bukannya untuk tujuan pendidikan, tetapi sebagai sumber untuk mendapatkan hiburan yang lebih bebas tanpa kongkongan keluarga, yang berupa permainan video games, pornografi, berkenalan (*chit-chat*) dan mengisi masa lapang dengan kegiatan yang tidak berfaedah.
- iii Kajian yang mendapati bahawa ikatan dan fungsi keluarga Melayu moden sebagai penjaga dan pendidik emosi anak-anak telah mula terhakis yang kemudiannya menyebabkan pelbagai masalah sosial remaja yang cukup kronik. Berikutan dengan faktor asas ini, golongan remaja Melayu lebih terpengaruh dengan budaya di luar keluarga seperti media massa dan rakan sebaya. Akibatnya mereka lebih mudah terjerumus dengan hiburan yang mementingkan keseronokan yang melampaui batas, sensasi, glamour dan sindrom kurang daya tahan iman. Manakala pengaruh rakan sebaya pula menyebabkan mereka terlibat dengan budaya melepak dan pelbagai masalah sosial lain seperti ketagihan dadah, arak, berjudi, menonton video lucah, *"free-sex"*, dijangkiti penyakit AIDS dan banyak lagi masalah lain.
- iv Kajian yang mendapati bagaimana tabiat pembacaan remaja Melayu yang lemah, di mana mereka lebih mengutamakan bahan bacaan yang tidak membina minda dan daya intelektual, merangkumi hiburan, jenaka, sukan dan bahan lucah. Pendek kata, mereka telah terjerumus ke dalam budaya yang cukup meruncing akibat dari ketiadaan budaya ilmu yang sihat.

Dilihat kepada semua paparan yang telah diberikan ini, secara terang-terangan remaja Melayu telah dilanda dengan krisis sosial yang cukup meruncing membabitkan semua aspek yang terpenting (aspek kognitif, afektif dan psikomotor) di dalam pembentukan jiwa seseorang remaja Islam. Hal ini boleh dilihat dengan lemahnya pegangan iman, hilangnya pengaruh ibu-bapa, ketergantungan mereka kepada pengaruh rakan sebaya yang tidak mampu berfikir dengan waras dan terpaksa hidup di dalam suasana masyarakat yang penuh dengan budaya mungkar.



SIKAP KITA UNTUK MENANGANI MASALAH SOSIAL REMAJA

Pada dasarnya, berasaskan kepada pengamatan semasa, terdapat beberapa pendekatan yang telah diambil oleh kalangan masyarakat untuk menghadapi isu krisis sosial remaja ini. Antaranya, ialah sikap dan paradigma ala-intelektual yang mengabungkan pelbagai pendekatan yang utama. Sikap ini selaras dengan kehendak Islam, iaitu;

- i. Sikap prihatin dan menganggap masalah ini sebagai tanggungjawab bersama bagi semua lapisan masyarakat, memandangkan golongan remaja boleh dianggap sebagai masa depan sesebuah masyarakat.
- ii. Mementingkan pendekatan yang mencari punca dan mencadangkan jalan penyelesaian masalah secara mikro.
- iii. Perlu menghargai struktur, mekanisme dan sistem penyelesaian masalah yang sebelumnya telah dijalankan di dalam masyarakat (paradigma evolusi).
- iv. Berusaha melakukan kajian dan mencuba model penyelesaian masalah yang difikirkan perlu.
- v. Berusaha memantau keberkesanan cara penyelesaian masalah yang dikemukakan.
- vi. Berusaha menjalin dan menghidupkan jalinan ummah Islam sedunia bagi mempelajari kaedah penyelesaian masalah yang lebih sesuai untuk konteks zaman moden.

Apa yang jelas, pendekatan yang dicadangkan ini bertepatan dengan idealisme perjuangan Islam yang mementingkan kesejahteraan agama, diri dan anggota masyarakat melebihi kepentingan lain. Kesemua kepentingan ini perlu diadun dengan cukup rapi sehingga menjadikannya lebih bersifat bersepadu di antara taktik dan matlamat yang mengaitkannya dengan kerangka pencarian kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Apa yang lebih penting lagi, sejarah telah membuktikan bagaimana penggunaan kaedah ini telah mampu membangun suatu bentuk tamadun Islam jitu di antara kepentingan kebendaan dunia yang bersifat sementara, tetapi perlu diutamakan untuk ketinggian agama Islam, dengan kepentingan akhirat yang lebih bersifat abadi. Semoga para belia/remaja kita dimasukkan ke dalam golongan pemuda Ashabul Kahfi yang digambarkan oleh Allah S.W.T. pada ayat 13 Surah al-Kahfi yang bermaksud: "Sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka dan Kami tambahi mereka dengan hidayah petunjuk".

PENETAPAN VISI, MISI DAN WAWASAN

Penetapan ini difikirkan amat perlu demi untuk sentiasa mengingatkan sesebuah organisasi Islam tentang matlamat yang hendak dicapai. Ia boleh dikatakan sebagai asas utama sesuatu organisasi yang perlu diperhatikan dan dihayati oleh setiap anggota kumpulan terbabit. Proses penetapan visi, misi dan wawasan ini boleh dibuat dengan mengetahui dan mengambilkira beberapa prinsip asas Islam yang terpenting dan menerapkannya di dalam visi, misi dan wawasan ini. Antara prinsip-prinsip asas Islam yang dimaksudkan adalah:-

- i. Pengetahuan tentang hakikat kejadian manusia - dengan menanyakan beberapa persoalan utama, (i) dari mana; (ii) untuk tujuan apa; dan (iii) ke mana akhir perjalanan hidup dan matlamat manusia. Apa yang jelasnya, semua persoalan penting ini boleh dijawab melalui pemahaman konsep khalifah Allah. Sabda Rasulullah S.A.W. yang mafhumnya: *"Tidak bergerak kaki seseorang anak Adam itu di hadapan Tuhannya pada hari akhirat kelak kecuali setelah ditanya tentang empat perkara, salah satu daripadanya ialah tentang umurnya, untuk apa ia dihabiskan dan tentang masa mudanya, untuk apa dipergunakan"*.
- ii. Proses pembentukan seseorang remaja yang boleh bertindak sebagai intelektual ummah yang berjiwa tauhid dan mengamalkan konsep *"amar makruf nahi mungkar"*. Akan tetapi, sebelum proses pembentukan individu intelektual ini dapat ditetapkan di dalam penetapan wawasan sesuatu organisasi, terlebih dahulu kita perlu mengetahui dengan lebih lanjut tentang semua perkara yang berkaitan dengan intelek, merangkumi, (i) siapa dan bagaimana sifat seseorang intelek Islam; (ii) apakah jenis-jenis intelek yang terdapat dalam realiti semasa; dan (iii) bagaimana cara untuk membentuk dan mengasah sifat intelek di dalam diri seseorang Muslim.

KESIMPULAN

Sebagai umat Islam yang berpegang kepada prinsip *hablum minallah wa hablum minannas*, kita tidak boleh mengenyepikan semua hal dunia untuk menumpukan perhatian kepada akhirat semata-mata. Sebaliknya kita juga harus sedar bahawa mengejar kehidupan dunia semata-mata bukanlah matlamat kita dihidupkan Allah di dunia ini. Tugas membangun dan membimbing ummah ke arah kehidupan yang seimbang duniawi dan ukhrawi menjadi tanggungjawab kita. Amanah ini harus dipikul oleh golongan belia kerana mereka mempunyai kecerdasan dan kecerdasan yang diharapkan dapat memperjuangkan dan mempertabatkan agama.

Bagaimanapun, pernahkah kita terfikir dan bertanya, belia yang bagaimanakah yang menjadi kebanggaan Islam? Kualiti rohani dan jasmani yang bagaimana pula yang perlu ada pada belia kita untuk menjadi pejuang agama? Tentunya iman, taqwa dan akhlak mulia adalah nilai utama untuk memenuhi misi ini. Di samping itu, mereka juga harus memiliki semangat waja untuk berkorban di jalan yang diredhai Allah S.W.T. Oleh itu, Rasulullah S.A.W. pernah bersabda yang bermaksud: *"Terdapat tujuh golongan manusia yang akan diberi naungan Allah pada hari terdapat tiada naungan melainkan naungan-Nya. Salah satu daripada golongan itu ialah pemuda yang seluruh hidupnya ditumpukan untuk tujuan beribadah untuk Tuhannya"*.

Pengajaran hadis ini jelaslah kepada kita bahawa ciri-ciri belia yang taat beribadah (dalam erti yang lebih luas-mencakupi seluruh aspek kehidupan dunia dan akhirat) adalah salah satu golongan yang mendapat tempat yang istimewa yang dijanjikan Allah di akhirat kelak. Kedudukan dan peranan belia diiktiraf penting oleh agama dan masyarakat. Di pundak mereka terletak tanggungjawab kepimpinan demi membentuk masa depan masyarakat yang beragama dan bermoral. Di tangan para belia kita, terletak kewibawaan untuk mencipta perwajahan cemerlang bangsa dan agama demi memandu kita semua ke jalan *khaira ummah* yang dirahmati Allah S.W.T.

Oleh itu, para belia-remaja pada hari ini perlu menghiasi diri dengan ilmu yang kukuh, keimanan yang ampuh dan misi yang utuh. Ketiga-tiga senjata ini amat perlu untuk kita merubah keadaan kita sekarang, daripada masyarakat yang dianggap tanggungan (*liabilities*), berganjak kepada kelompok yang tinggi aset sosialnya, baik kepada agama, bangsa dan negara. Kita harus menerima hakikat bahawa bekalan ilmu amat perlu untuk mengharungi hidup di zaman yang penuh cabaran ini.



PERBEZAAN TARIKH SAMBUTAN 'EIDUL ADHA ANTARA MALAYSIA DAN ARAB SAUDI TAHUN 2005

Oleh : Ustaz Hairul Anuar B. Samingan (Bahagian Falak Syarie)

Sambungan dari keluaran bil 7.....

PENGENALAN

Pada keluaran yang lalu, kita telah berbincang perbezaan sambutan 'Eidul Adha di antara Malaysia dan Arab Saudi menerusi analisa data rukyah dan hasil cerapan yang dilakukan di Bukit Jugra, Banting pada 29 Zulka'dah 1425H (10 Januari 2005). Penentuan ini adalah mengikut "kaedah imkanur-rukyah" iaitu hilal dianggap boleh kelihatan apabila kiraan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pada keluaran ini akan dibincang sebab kedua perbezaan tarikh sambutan 'Eidul Adha iaitu menerusi salah faham mentafsir hadis 'Al-Hajj Arafah'.

SALAH FAHAM TAFSIRAN HADIS 'AL-HAJJ ARAFAH'

Terdapat kekeliruan masyarakat berhubung dengan anggapan bahawa 'Eidul Adha disambut mengikut 'Eidul Adha di Negara Arab Saudi iaitu sehari selepas Hari Wukuf di Arafah. Ini disebabkan sandaran hadis 'Al-Hajj Arafah' yang disalahtafsir khususnya berkenaan ibadat puasa sunat 9 Zulhijjah. Malah ada yang berpendapat puasa sunat hendaklah bersamaan hari wukuf di Arafah.

Penjelasan hadis "Al-Hajj Arafah"

Sanad dan matan hadis

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ يَعْمَرَ قَالَ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَمَرَ مُتَادِيًا يُنَادِي الْحَجَّ عَرَفَةَ، مَنْ جَاءَ لَيْلَةَ جَمْعٍ قَبْلَ طُلُوعِ الْفَجْرِ فَقَدْ أَذْرَكَ. (رواه احمد)

Maksudnya:

Dari Abdul Rahman bin Ya'mur berkata: "Bahawa Rasulullah S.A.W. menyuruh seseorang membuat seruan, Haji itu ialah Arafah! Barangsiapa datang pada malam tanggal sepuluh sebelum fajar terbit, bererti ia telah mendapatkan Arafah".

(Riwayat Ahmad)

Al-Syeikh 'Izzuddin Abd al-Salam berkata, "al-Hajj Arafah."

"تقديره إدراك الحج وقوف عرفة"

"Maksud daripada "Al-Hajj Arafah" ialah ibadat haji itu dapat sempurna (sah) dengan wukuf di Arafah".

Seorang tokoh ulama' al-Syafi'iyah iaitu Imam Abu Ishak al-Syirazi berkata:

والوقوف ركن من أركان الحج، لما روى عبد الرحمن الدبيلي أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: "الحج عرفات، فمن أدرك عرفة قبل أن يطلع الفجر فقد أدرك الحج"

Maksudnya:

Wukuf di Arafah itu adalah satu rukun daripada rukun-rukun ibadat haji, sebagaimana riwayat Abdul Rahman al-Diliy bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda, "Ibadat haji itu sah dengan wukuf di Arafah, maka sesiapa yang dapat berwukuf di Arafah sebelum terbit fajar pada Hari Wukuf, sesungguhnya dia telah dapat menyempurnakan ibadat haji."



Hadis dari Abi Hurairah r.a. :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : الصَّوْمُ
يَوْمَ تَصُومُونَ وَالْفِطْرُ يَوْمَ تُفْطِرُونَ وَالْأَضْحَى يَوْمَ تُضَحُّونَ

(رواه الترمذي)

Maksudnya:

Daripada Abi Hurairah r.a. bahawasanya Nabi S.A.W. bersabda, "Puasa itu (permulaannya) adalah pada hari kamu berpuasa (bulan Ramadhan) dan Hari Raya Puasa ('Eidul Fitri) adalah hari di mana kamu berhari raya dan Hari Raya Korban ('Eidul Adha) adalah hari di mana kamu menyembelih (berkorban)".

(Riwayat al-Tarmizi)

Merujuk kepada petikan sabda Rasulullah S.A.W. :

"والأضحى يوم تضحون".

Maksudnya:

"Dan Hari Raya Korban ('Eidul Adha) adalah hari di mana kamu menyembelih (berkorban)." Rasulullah S.A.W. menetapkan agar ibadah korban itu dilaksanakan pada Hari Raya Korban ('Eidul Adha) dan hari-hari Tasyriq (11, 12 dan 13 Zulhijjah).

Oleh yang demikian, hadis 'Al-Hajj Arafah' menerangkan bahawa:

1. Wukuf di Arafah adalah salah satu daripada rukun-rukun ibadat haji.
2. Hadis di atas tiada kaitan dengan penentuan 'Eidul Adha kerana para ulama' al-Syafi'iyah tidak menghubungkan hadis di atas dengan penentuan tarikh 'Eidul Adha. Ini menunjukkan 'Eidul Adha' tidak tertakluk dengan wukuf di Arafah terutamanya dengan negara-negara yang tidak sama terbit matahari dengan Negara Arab Saudi.
3. Bagi penduduk Makkah, hari wukuf di Arafah adalah sehari sebelum Hari Nahar ('Eidul Adha) mengikut ketentuan kerajaan Arab Saudi. Bagi negara atau kawasan yang berlainan terbit matahari, penentuan 9 Zulhijjah adalah mengikut ketentuan imkanur-rukyah negara masing-masing (mengikut ketentuan rukyah awal bulan Zulhijjah negara masing-masing).
4. Penggunaan istilah "'Eidul Adha" kebiasaannya digunakan dalam hadis-hadis dan kitab-kitab fiqh yang bermaksud "Hari Raya Korban". Akan tetapi tidak ada kitab hadis dan feqah yang menggunakan istilah "'Eidul Hajj" yang juga disebut oleh sesetengah masyarakat Islam sebagai "Hari Raya Haji". Ini adalah satu kesilapan yang mana istilah yang sebenar hanyalah "'Eidul Adha" yang dirayakan oleh seluruh umat Islam di dunia sama ada yang mengerjakan haji atau tidak. Oleh itu, amat perlu bagi umat Islam meninggalkan penggunaan istilah Hari Raya Haji bagi mengelakkan kekeliruan 'Eidul Adha tertakluk dengan Wukuf para hujjaj di Arafah.

Mudah-mudahan perbincangan ini akan memberi kefahaman dan keyakinan pembaca dalam beribadat khususnya puasa pada 9 Zulhijjah, solat sunat 'Eidul Adha dan melakukan ibadah korban bermula selepas solat sunat 'Eidul Adha sehingga 3 hari tasyrik (13 Zulhijjah).

Seutiana Kata

- Seseorang manusia harus cukup rendah hati untuk mengakui kesilapannya, cukup bijak untuk mengambil manfaat daripada kegagalannya dan cukup berani untuk membetulkan kesilapannya.
- Jadikan dirimu bagai pohon yang rendang di mana insan dapat berteduh. Jangan seperti pohon kering tempat sang pungguk melepas rindu dan hanya layak dibuat kayu api.
- Dunia ini umpama lautan yang luas. Kita adalah kapal yang belayar di lautan telah ramai kapal karam di dalamnya. andai muatan kita adalah iman, dan layarnya takwa, nescaya kita akan selamat dari tersesat di lautan hidup ini.
- Lombong emas dalam diri kamu adalah fikiran kamu. Kamu dapat menggalnya sedalam-dalamnya dan sepuas-puas yang kamu inginkan.



2



1



AKTIVITI JABATAN

3



1. S.S. Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor menyampaikan cenderamata kepada Y.B. Dato' Abd. Rahman bin Palil, EXCO Kerajaan Negeri Selangor di Majlis Penutup Konvensyen Falak Syarie 2005.

2. Sebahagian yang hadir di Majlis Penutup Konvensyen Falak Syarie 2005.

3. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor bergambar bersama Warga Jabatan Mufti Negara Brunei Darussalam.

4



4. Pertemuan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dengan Y.A.A. Ketua Hakim Syarie Negara Brunei Darussalam.

5. S.S. Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor telah menerima kunjungan guru-guru dari Sekolah Rendah Agama Ehyaul Fallah, Pekan Sungai Besar.

5



6. S.S. Timbalan Mufti Negeri Selangor menyampaikan hadiah cabutan bertuah sempena Hari Keluarga Jabatan Mufti Negeri Selangor 2005.

6



7





BENGKEL KAJIAN SEMULA
PEWARTAAN FATWA
BERKAITAN AJARAN SESAT / SALAH
NEGERI SELANGOR
15-17 SEPTEMBER 2005

8



9

MUFTI SELANGOR

7. S.S. Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor menyampaikan ucapan di Majlis Makan Malam Hari Kelurga Jabatan Mufti Negeri Selangor .
8. Perbincangan ketika Bengkel Kajian Semula Pewartaan Fatwa Berkaitan Ajaran Sesat/Salah Negeri Selangor.
9. S.S. Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor bergambar bersama warga Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Kolej Universiti Islam Malaysia.
10. Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor di Majlis Penutupan Seminar Peranan Fatwa Terhadap Pembinaan Institusi Keluarga.
11. Antara para peserta dan jemputan yang menghadiri Seminar Peranan Fatwa Terhadap Pembinaan Institusi Keluarga.
12. S.S. Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor bergambar bersama rombongan S.S. Dato' Mufti Wilayah Persekutuan.
13. Peserta Kursus Rubu' Mujayyab begambar bersama tenaga pengajar.
14. S.S. Timbalan Mufti Negeri Selangor menyampaikan cenderamata kenangan kepada En. Mohd Aasri bin Ab. Razak.



10



11



12



14



13

**KEPUTUSAN FATWA NEGERI SELANGOR**

Oleh: Ustazah Norzila Bt. Mohd Nor (Bahagian Istisbat)

Tajuk Hukum Pembayaran Simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Bagi Ahli Yang Memeluk Agama Islam

- Keputusan**
1. Orang bukan Islam tidak berhak mewarisi harta orang Islam dan begitu juga sebaliknya.
 2. Jika seseorang bukan Islam memeluk Islam dan mempunyai simpanan KWSP dan telah menamakan penama orang bukan Islam maka hendaklah menukar penama tersebut kepada orang Islam. Jika tiada penama orang Islam dan tiada waris Islam yang berhak ke atas harta tersebut setelah beliau meninggal dunia maka harta itu tidak menjadi hak kepada penama yang bukan Islam, sebaliknya hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.
 3. Orang Islam boleh membuat wasiat kepada orang bukan Islam tidak melebihi 1/3 daripada hartanya.

Tarikh Warta 28 April 2005

Tajuk Garis Panduan Mengenai Anak Tak Sah Taraf Menurut Hukum Syara'

- Keputusan**
- Anak tak sah taraf menurut hukum syara' ialah ;
1. Anak yang dilahirkan tanpa nikah samaada hasil daripada zina, rogol atau melalui cara saintifik yang bertentangan dengan hukum syara'.
 2. Anak yang dilahirkan kurang daripada 6 bulan 2 lahzah qamariah dari waktu "Imkan ad Dukhul" dan bukan hasil daripada persetubuhan syubhah.
 3. Anak yang dilahirkan lebih daripada 6 bulan 2 lahzah qamariah dari waktu "Imkan ad Dukhul" selepas akad yang sah dan ada bukti dari segi syara' bahawa anak tersebut ialah anak tanpa nikah melalui iqrar (pengakuan) mereka yang berkenaan (suami dan isteri tersebut atau salah seorang daripadanya), atau 4 orang saksi yang memenuhi syarat-syarat mengikut hukum syara'.

Tarikh Warta 28 April 2005

Tajuk Hukum Peraduan SMS Dan Menyertainya Menurut Pandangan Islam

- Keputusan**
- Hukum menyertai peraduan SMS adalah haram berdasarkan kepada beberapa petikan ayat Al-Quran dan hadis serta ijma' ulama' kerana proses peraduan SMS ini dijalankan adalah tidak jelas (mengandungi gharar) dan mempunyai unsur-unsur perjudian.

Tarikh Warta 28 April 2005

Tajuk Hukum Wakalah Dan Beberapa Perkara Berbangkit Dalam Ibadat Qurban

- Keputusan**
1. Permasalahan Niat Qurban
 - i. Niat qurban itu sebaiknya ditentukan sama ada qurban wajib (nazar) atau sunat bagi mengelakkan niat itu menjadi qurban wajib.
 - ii. Haram memakan daging qurban bagi orang yang berniat qurban wajib (nazar) dan hendaklah disedekahkan kesemua daging tersebut kepada fakir miskin.
 2. Wakil Atas Wakil

Hukum wakalah adalah harus dengan syarat-syarat seperti berikut :

 - i. Lafaz wakalah hendaklah secara soreh atau kinayah ;
 - ii. Hendaklah mendapat izin dari muwakkil ;
 - iii. Muwakkil wajib melafazkan tawkil sama ada secara soreh atau kinayah kepada wakil yang dilantik untuk menguruskan qurban tersebut.
 3. Pengagihan Daging Qurban Ke Negara Lain
 - i. Harus memindahkan daging qurban sama ada ia qurban wajib atau pun sunat ke tempat lain setelah diagihkan kepada orang-orang fakir dan miskin secara merata di kawasan tersebut.
 4. Mengagihkan Daging Qurban Kepada Orang Kafir
 - i. Tidak harus memberi makan daging qurban dan aqiqah kepada orang kafir sama ada daging qurban wajib dan aqiqah wajib ataupun sunat.

Tarikh Warta 23 Jun 2005

**Tajuk**

Kedudukan Harta Sepencarian Selepas Kematian Salah Satu Pihak Dalam Perkahwinan Di Negeri Selangor

Keputusan

1. Harta sepencarian selepas kematian salah satu pihak dalam perkahwinan di Negeri Selangor boleh dibahagikan kepada suami atau isteri sebelum difara'ikan termasuk setelah dilepaskan tanggungan si mati.
2. Pembahagian harta sepencarian tersebut hendaklah diberikan mengikut takat sumbangan sama ada secara langsung atau tidak langsung dari kedua-dua belah pihak.
3. Persetujuan pembahagian hendaklah dibuat melalui perintah mahkamah.

Tarikh Warta

23 Jun 2005

Tajuk

Kutipan Zakat Padi Melalui Pemetongan Terus Dari Kupon Subsidi Padi Di Negeri Selangor

Keputusan

1. Zakat padi wajib dikeluarkan mengikut kadar hasil yang diperolehi dengan kadar zakat sebanyak 5% tanpa menolak apa-apa kos yang ditanggung oleh pengusaha tanaman padi.
2. Wang kupon padi adalah dikira sebagai (مال المستفاد) subsidi iaitu sebagai penggalak dari kerajaan dan wajib dikeluarkan zakat sebanyak 2.5% sekiranya mencukupi nisab.

Tarikh Warta

23 Jun 2005

Tajuk

Kadar 'Uruf Emas Perhiasan Di Negeri Selangor

Keputusan

Kadar 'uruf emas perhiasan di Negeri Selangor adalah pada timbangan 800 gram. Mana-mana timbangan yang melebihi kadar 'uruf emas perhiasan adalah diwajibkan zakat perhiasan sepenuhnya, tanpa mengecualikan nilai yang di bawah 'adat atau 'uruf.

Tarikh Warta

23 Jun 2005

KISAH TAULADAN

HIKMAH DI SEBALIK MEMBACA BASMALAH

Ada seorang perempuan tua yang taat beragama, tetapi suaminya seorang yang fasik dan tidak mahu mengerjakan kewajipan agama dan tidak mahu berbuat kebaikan. Perempuan itu sentiasa membaca Bismillah setiap kali hendak bercakap dan setiap kali dia hendak memulakan sesuatu sentiasa didahului dengan Bismillah. Suaminya tidak suka dengan sikap isterinya dan sentiasa memperolok-olokkan isterinya. Suaminya berkata sambil mengejek, "Asyik Bismillah, Bismillah. Sekejap-sekejap Bismillah".

Isterinya tidak berkata apa-apa sebaliknya dia berdoa kepada Allah S.W.T. supaya memberikan hidayah kepada suaminya. Suatu hari suaminya berkata, "Suatu hari nanti akan aku buat kamu kecewa dengan bacaan-bacaanmu itu".

Untuk membuat sesuatu yang memeranjatkan isterinya, dia memberikan wang yang banyak kepada isterinya dengan berkata, "Simpan duit ini". Isterinya mengambil duit itu dan menyimpan di tempat yang selamat, di samping itu suaminya telah melihat tempat yang disimpan oleh isterinya. Kemudian

dengan senyap-senyap suaminya itu mengambil duit tersebut dan mencampakkan beg duit ke dalam perigi di belakang rumahnya.

Setelah beberapa hari kemudian suaminya itu memanggil isterinya dan berkata, "Berikan padaku wang yang aku berikan kepada engkau dahulu untuk disimpan".

Kemudian isterinya pergi ke tempat dia menyimpan duit itu dan diikuti oleh suaminya dengan berhati-hati dia menghampiri tempat dia menyimpan duit itu dia membuka dengan membaca, "Bismillahirrahmanirrahim". Ketika itu Allah S.W.T. menghantar malaikat Jibril A.S. untuk mengembalikan beg duit dan menyerahkan duit itu kepada suaminya kembali.

Alangkah terperanjat suaminya, dia berasa bersalah dan mengaku segala perbuatannya kepada isterinya, ketika itu juga dia bertaubat dan mula mengerjakan perintah Allah, dan dia juga membaca Bismillah apabila dia hendak memulakan sesuatu kerja.

Seutiana Kata

- Sabar adalah jalan keluar bagi orang yang tidak bisa menemukan jalan keluar.
- Jagalah dirimu baik-baik, usahakanlah kemuliaannya, kerana engkau dipandang manusia bukan kerana rupa tetapi kesempurnaan budi dan adab.
- Jangan memberi makanan kepada orang lain yang anda sendiri tidak suka memakannya.

**ISU DAN PERMASALAHAN SEMASA**

Oleh: Ustazah Norzila Bt. Mohd Nor (Bahagian Istisbat)

1. GARIS PANDUAN MENGENAI ANAK TAK SAH TARAF MENURUT HUKUM SYARA'

Seringkali kita dipaparkan melalui media massa mengenai gejala sosial yang berlaku di dalam masyarakat kita pada hari ini seperti kes-kes perzinaan dan sumbang mahram juga tidak kurang pula bagi mereka yang menjadi mangsa keadaan seperti kes-kes rogol dan sebagainya. Maka tidak hairanlah jika dilihat jumlah anak tak sah taraf semakin meningkat dari tahun ke tahun akibat dari perbuatan mereka yang tidak bertanggungjawab. Umumnya masyarakat pada hari ini mengetahui apa yang diistilahkan sebagai anak tak sah taraf tetapi mereka kurang memahami aspek-aspek yang melibatkan penamaan, pergaulan, nafkah, kedudukan dari segi nasab, amal kebajikan dan hak samarata mengenai anak tersebut.

Kedudukan Anak Tak Sah Taraf Menurut Hukum Syara'

Tafsiran anak tak sah taraf ialah seseorang anak yang dilahirkan di luar pernikahan iaitu samaada akibat daripada perbuatan zina atau dirogol atau melalui cara saintifik yang bertentangan dengan hukum syara'. Berikut adalah aspek-aspek serta implikasi sosial anak tak sah taraf di dalam keluarga dan masyarakat yang perlu diberi perhatian iaitu :

1. Dari sudut hubungan nasab keturunan, anak tak sah taraf tidak harus di 'bin' atau di 'binti' kan kepada lelaki yang menyetubuhi ibunya. Anak tak sah taraf hendaklah di 'bin' atau di 'binti' kan kepada Abdullah atau lain-lain nama "Asma Al-Husna" berpangkalan 'Abdullah'.
2. Anak yang dilahirkan lebih 6 bulan 2 lahzah (tahun qamariah) daripada tarikh akad nikah hasil daripada persetubuhan haram masih dikira sebagai anak tak sah taraf dari segi hukum syara' tetapi boleh di 'bin' kan bapanya. Contohnya, bila si ibu hamil, mereka berkahwin dan anak dilahirkan selepas 6 bulan 2 lahzah dari tarikh pernikahan itu.
3. Seseorang anak yang dijumpai terbiar atau anak pungut yang tidak diketahui asal-usulnya hendaklah di 'bin' atau di 'binti' kan 'Abdullah' dan jika nama 'Abdullah' bersamaan dengan nama pemelihara itu, maka bolehlah dipilih nama "Asma al-Husna" lain yang berpangkalan 'Abdul' seperti 'Abdul Rahman bin Abdul Rahim'.
4. Pergaulan anak tak sah taraf dengan lelaki yang telah melakukan persetubuhan tanpa akad dengan ibunya, walaupun lelaki itu adalah bapanya yang sebenar, hendaklah berasaskan pergaulan anak tiri dan bapa tirinya.
5. Segala nafkah dan saraan hidup anak tak sah taraf adalah menjadi tanggungjawab ke atas ibunya. Ini adalah kerana anak tak sah taraf dinasabkan kepada ibunya dan tidak kepada lelaki yang menyetubuhi ibunya.
6. Anak tak sah taraf tidak terputus hubungan dengan ibunya. Oleh itu, kedua-duanya boleh mewarisi pusaka antara satu sama lain. Jika ibunya meninggal dunia, maka dia berhak mewarisi harta pusaka ibunya bersama-sama ahli waris yang lain. Begitu juga sekiranya anak tak sah taraf itu meninggal dunia terlebih dahulu ibunya berhak mewarisi pusakanya. Seseorang anak tak sah taraf tidak boleh sama sekali mewarisi harta pusaka bapanya yang tak sah taraf, kerana ia bukan ahli waris, begitu juga sebaliknya bapa tak sah taraf itu tidak berhak untuk mewarisi harta pusakanya.
7. Hak perwalian diri anak tak sah taraf sebenarnya terletak kepada ibunya. Walau bagaimanapun, perwalian perkahwinan anak tak sah taraf perempuan dipegang oleh wali hakim. Ini adalah kerana seseorang perempuan tidak sah menjadi wali di dalam apa jua perkahwinan. Lelaki yang menyetubuhi ibunya tanpa akad nikah yang sah sama ada dia berkahwin atau tidak dengan ibunya selepas itu, tidak sah menjadi walinya.
8. Penjagaan anak tak sah taraf adalah dipertanggungjawabkan semata-mata pada ibu dan saudara mara sebelah ibu.
9. Kematian seseorang anak tak sah taraf yang belum baligh adalah menurut hukum agama ibunya. Jika ibunya beragama Islam maka dia dihukum sebagai seorang Islam. Dengan demikian mayatnya hendaklah diurus secara pengurusan jenazah Islam. Jika ibunya bukan seorang beragama Islam maka dia dihukum sebagai seorang bukan beragama Islam sekalipun lelaki yang menyetubuhi ibunya itu beragama Islam.
10. Jika semasa hayatnya anak tak sah taraf telah melakukan amal kebajikan sama ada untuk dirinya sendiri atau untuk masyarakat, maka segala masyarakat maka segala manfaatnya dari segi pahala dan lain-lain akan kembali kepada dirinya juga.
11. Jika seseorang anak yang dipungut tidak dapat ditentukan keturunan iaitu samaada Islam atau bukan Islam maka adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan membesarkannya menerusi rumah kebajikan dan mendidiknya menurut agama Islam.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada keterangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa Islam amat menitikberatkan penjagaan nasab atau keturunan di dalam kehidupan umatnya. Ini adalah kerana nasab atau keturunan akan memberi implikasi yang besar di dalam melahirkan keluarga dan masyarakat. Tujuan Islam mensyariatkan berkaitan apa-apa jua mengenai anak tak sah taraf bukannya untuk menghukum individu terbabit tetapi untuk menjaga nasab atau keturunan itu sendiri. Ini adalah kerana semua manusia itu sama sahaja di sisi Allah S.W.T. hanya yang membezakan amalannya sahaja.



2. HARTA SEPENCARIAN SELEPAS KEMATIAN SALAH SATU PIHAK DALAM PERKAHWINAN DI NEGERI SELANGOR

Isu mengenai tuntutan harta sepencarian di Negeri Selangor tidak dinyatakan dengan jelas berbanding dengan negara-negara lain yang mengiktiraf pembahagian harta sepencarian selepas perceraian hidup ataupun mati. Di Selangor, apabila salah satu pihak dalam perkahwinan meninggal, pihak yang masih hidup tidak boleh menuntut harta sepencarian di Mahkamah Syariah. Ini berbeza dengan Negeri-negeri lain seperti Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan dan lain-lain Negeri yang mengiktiraf harta sepencarian walaupun perceraian itu berlaku disebabkan kematian dari pihak suami ataupun isteri.

Harta Sepencarian Menurut Perspektif Undang-Undang

Sebelum pindaan Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1988, kes-kes harta sepencarian boleh didengar samaada di Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah. Lanteran itu terdapat kekeliruan di kalangan para Hakim Mahkamah Sivil dalam memberikan konsep mengenai harta sepencarian. Mereka lebih cenderung mengaitkan harta sepencarian sebagai Adat Melayu semata-mata tanpa mengaitkannya dengan Hukum Syara'. Setelah pindaan dilakukan terhadap Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan, kuasa untuk mendengar dan memutuskan mengenai harta sepencarian diletakkan sepenuhnya di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah dengan mengiktirafnya sebagai sebahagian daripada Hukum Syara'.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 mentakrifkan harta sepencarian sebagai harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syara'. Berdasarkan tafsiran di atas, perkahwinan yang berkuatkuasa mengikut akta ini adalah perkahwinan yang telah didaftarkan mengikut peruntukan Seksyen 25 di bawah Enakmen yang sama.

Ini bermaksud perkahwinan yang tidak didaftarkan mengikut Enakmen tersebut, walaupun sah mengikut Hukum Syara' adalah diiktiraf sebagai tidak berkuatkuasa. Jika ini berlaku, sudah pasti masalah akan timbul jika tuntutan harta sepencarian ini dibawa oleh pihak-pihak yang tidak mendaftarkan perkahwinan mereka mengikut undang-undang yang sedia ada.

Hujjah dan Dalil

Islam mengiktiraf pemilikan setiap individu terhadap harta. Setiap individu termasuk suami dan isteri berhak memiliki sebarang harta kerana ikatan perkahwinan Islam sama sekali tidak menafikan atau membataskan hak tersebut. Harta sepencarian ialah harta yang dimiliki atau diperolehi dalam tempoh perkahwinan dengan usaha bersama suami isteri samaada secara langsung atau tidak langsung. Tuntutan harta sepencarian sememangnya diiktiraf di dalam Islam. Hal ini dibuktikan melalui firman Allah di dalam Surah al-Nisa' ayat 32 :

لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا اكْتَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا اكْتَسَبْنَ

Maksudnya : "... (kerana telah tetap) orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan".

Harta sepencarian diistilahkan sebagai **متاع البيت** (perkakas rumah) atau **مال الزوجين** (harta suami isteri). Namun perbincangan kitab-kitah fiqh hanya tertumpukepada harta-harta seperti rumah, perkakas rumah dan kenderaan sahaja.

Kaedah umum yang digunakan bagi membahagikan harta sepencarian adalah sama bagi setiap Negeri iaitu mahkamah hendaklah membahagikan harta tersebut mengikut takat sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperoleh aset-aset tersebut. Dalam menyelesaikan masalah berhubung harta sepencarian ini, mahkamah turut mengambil kira sumbangan salah satu pihak secara tidak langsung. Sebagai contoh di dalam kes berikut :

Contoh Kes

Plaintif telah menuntut sebahagian harta sepencarian ke atas tanah, pelaburan dan wang-wang simpanan dalam bank. Pemangku Qadhi Besar telah menolak tuntutan tersebut atas alasan bahawa harta tersebut diperolehi melalui usaha tunggal suami. Isteri telah membuat rayuan kepada Lembaga Rayuan. Diputuskan bahawa Pemangku Qadhi Besar sama sekali tidak mengambil kira sumbangan tidak langsung isteri bagi memperoleh harta-harta tersebut dengan mengurus rumahtangga dan memelihara anak sepanjang 35 tahun perkahwinan mereka. Lembaga Rayuan telah membenarkan tuntutan sebanyak 1/3 dari harta-harta tersebut.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada keterangan di atas, dapat dirumuskan bahawa isu mengenai harta sepencarian ini tidak disebutkan secara khusus di dalam Kitab-Kitab Fiqh Islam. Walaubagaimanapun, Islam mengaggap ianya sebagai satu cara pengiktirafan harta yang boleh dimiliki oleh seseorang di atas daya usahanya untuk memiliki harta tersebut.

**ANDA BERTANYA JABATAN MUFTI MENJAWAB**

(Oleh: Ustazah Siti Maswari bt Daem, Bahagian Istiabat)

1. Adakah diharuskan mengerjakan solat sunat lain selepas solat sunat witir? Perlukah mengulangi solat sunat witir tersebut?

Ya, harus mengerjakan solat sunat lain seperti solat sunat Tahajjud selepas menunaikan solat sunat witir. Tidak perlu mengulangi solat sunat witir tersebut kerana solat sunat witir hanya sekali di dalam satu malam.

Sabda Rasulullah S.A.W.,

لَا وَتِرَانِ فِي لَيْلَةٍ

Maksudnya: "Tiada dua witir dalam satu malam".

(Riwayat at-Tirmidzi)

2. Siapakah yang wajib mengeluarkan zakat fitrah terhadap anak yang lahir hasil daripada perzinaan?

Zakat fitrah kepada anak hasil daripada perzinaan perlu dikeluarkan oleh ibu yang melahirkannya atau waris kepada ibu berkenaan.

3. Adakah disabitkan sebagai ibu susuan kepada perempuan yang menyusukan anak orang lain jika susu tersebut hasil daripada perzinaan?

Ya, perempuan yang memiliki susu hasil daripada perzinaan lalu menyusukan anak orang lain maka sabit anak itu sebagai anak susuannya. Tetapi tidak sabit hukum anak susuan itu kepada lelaki yang berzina dengan perempuan yang menyusukan anak tersebut.

4. Apakah hukum mendirikan solat Jumaat di suatu kawasan di mana orang yang bermastautin tidak terdapat padanya, seperti di institut pengajian tinggi dan sebagainya?

Sah solat Jumaat tersebut jika cukup bilangan dan lain-lain syarat Jumaat yang ditetapkan oleh syara'.

5. Apakah hukum berubat menggunakan benda-benda najis ketika darurat?

Berubat dengan benda yang najis tidak dibenarkan bahkan hukumnya haram. Sabda Rasulullah S.A.W.;

إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالِدَوَاءَ وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً ، فَتَدَاوَوْا وَلَا تَدَاوَوْا بِحَرَامٍ

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit dan ubat, dan dijadikan bagi setiap penyakit itu ubatnya, maka berubatlah kamu, dan janganlah kamu berubat dengan yang diharamkan".

(Riwayat Abi Daud)

Walau bagaimanapun dalam keadaan darurat di mana sudah tiada ubat yang lain ketika itu maka hukumnya harus.

Firman Allah S.W.T.;

وَقَدْ فَصَّلَ لَكُمْ مَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا اضْطُرَرْتُمْ إِلَيْهِ

Maksudnya: "Dan sesungguhnya Allah telah melarang kepada kamu satu persatu apa yang diharamkanNya atas kamu, kecuali yang terpaksa kamu memakannya".

(Surah Al-An'am: 119)

6. Apakah hukum memandulkan dan mengkasi binatang peliharaan seperti yang kerap dilakukan sekarang?

Harus, memandulkan binatang peliharaan yang halal dimakan seperti lembu dan kambing bertujuan untuk menggemukkan dan mendapatkan daging yang lebih banyak.

Walau bagaimanapun haram memandulkan binatang peliharaan yang haram dimakan, seperti kucing kerana perbuatan tersebut secara tidak langsung telah menafikan hak binatang tersebut untuk membiakkan bakanya selain daripada menyakitkan.



7. Baru-baru ini kita dihebohkan dengan e-mail dan risalah mengenai "Tahun Gempar 2005" yang mengandungi ramalan-ramalan yang akan berlaku pada tahun 2005 sehingga awal tahun 2006 yang ditulis oleh Abu Basyir Ad-Daiki Al-Jawi. Apakah langkah yang sewajarnya diambil?

Mempercayai ramalan tersebut tidak ubah seperti mempercayai tukang tilik disebut juga sebagai *kahin* atau *'arraf*. Tukang tilik ini kebiasaannya mendakwa bahawa mereka mempunyai keupayaan mengetahui perkara-perkara ghaib yang tidak diketahui oleh orang lain. Mempercayai apa yang dikatakan tukang ramal adalah dosa besar. Banyak hadis menerangkan tentang perkara tersebut.

Sabda Rasulullah S.A.W. ;

مَنْ أَتَى عَرَافًا فَصَدَّقَهُ بِمَا يَقُولُ لَمْ يُقْبَلْ لَهُ صَلَاةٌ أَرْبَعِينَ يَوْمًا

Maksudnya : "Sesiapa yang datang kepada tukang tenung lalu mempercayai apa yang dikatakannya, tidak diterima baginya sembahyang selama empat puluh hari".

(Riwayat Ahmad)

8. Seorang Islam telah berkahwin dengan perempuan yang bukan Islam mengikut cara bukan Islam. Bagaimanakah cara mengebumikan mayat mereka dan kanak-kanak apabila mati?

Hendaklah disempurnakan mengikut agama mereka. Jika Islam ditanah perkuburan Islam manakala bukan Islam ditanam mengikut cara mereka dan kanak-kanak adalah mengikut agama ibunya.

9. Jika seseorang itu menaiki bas dalam perjalanan yang jauh dan dia telah berhadas besar, apakah yang perlu dilakukannya untuk menunaikan solat selain dari mandi wajib kerana terikat dengan perjalanan bas?

Tidak sah solat dalam keadaan berhadas besar walaupun hanya untuk menghormati waktu. Solat yang ditinggalkan ketika itu wajib diqadakan. Sekiranya dalam keadaan musafir niatkanlah jamak dan qasar bagi sembahyang yang boleh dijamak qasarkan. Manakala bagi solat Subuh anda diwajibkan mengqadaknya setelah mandi wajib.

10. Bolehkah seorang suami dikira terlepas daripada memberi nafkah kepada isterinya kerana suami duduk di rumah mertuanya sama ada isteri setuju atau atas desakan?

Suami tidak dikira terlepas daripada tanggungjawab memberi nafkah kepada isterinya kerana memberi nafkah itu hukumnya wajib.

Mutiara Hadis

- Sabda Rasulullah S.A.W: Tiga golongan manusia yang sangat dimurkai Allah iaitu yang cenderung kepada perkara yang haram, orang yang mengikut perbuatan jahilliyah dan orang membunuh orang lain tanpa hak. (Riwayat Bukhari dan Muslim)
- Tidak dihalalkan seorang Muslim memulau sesama Muslim lebih dari 3 hari 3 malam, maka siapa yang memulau lebih dari 3 hari 3 malam lalu mati akan masuk ke dalam api neraka. (Riwayat Abu Dawud dan an-Nasa'i)
- Diriwayatkan dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah S.A.W bersabda: "Apabila seseorang meninggal dunia maka terputuslah segala amalnya kecuali dari tiga perkara: sedekah jariyah, ilmu yang bermanfaat dan anak solih yang mendoakannya". (Riwayat Muslim)
- Sesungguhnya kepala yang ditusuk dengan besi itu lebih baik daripada menyentuh kaum yang bukan sejenis yang tidak halal baginya. (Riwayat at-Tabrani dan al-Baihaqi)
- Malu (salah satu akhlak yang mulia) dan iman merupakan dua hal yang tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain, maka apabila salah satunya diangkat (hilang) maka hilanglah yang lain. (Riwayat al-Hakim dan at-Tabrani)
- Barangsiapa yang menutupi aib saudara muslimnya, maka Allah akan menutup aibnya di dunia mahupun di akhirat. (Riwayat Muslim)
- Apabila salah seorang di antara kamu makan, hendaklah dia makan dengan menggunakan tangan kanannya dan apabila dia minum hendaklah dia minum dengan menggunakan tangan kanannya kerana sesungguhnya syaitan itu, dia makan dengan menggunakan tangan kirinya dan minum juga dengan menggunakan tangan kirinya". (Riwayat Muslim).

**TELESKOP**

Oleh : Ustaz Abdul Latip B. Ibrahim (Bahagian Falak Syarie)

Berikut merupakan ringkasan mengenai peralatan cerapan yang di gunakan semasa aktiviti pencerapan.

Teleskop Meade LX90, aperture 8", f/10. Ini merupakan teleskop utama ketika melakukan cerapan. Ia dilengkapi dengan teknologi GoTo, yang kini merupakan "trend" pengeluar teleskop di seluruh dunia. Teknologi GoTo membolehkan kita mengarahkan teleskop ini untuk mencari objek secara automatik.

"Setting" yang biasa dilakukan lengkap dengan semua sambungan terhadap kamera video Mintron 12v1-EX, output monitor (sebuah TV hitam putih 5.5"), sebuah PDA (ketika ini menggunakan Tungsten T) untuk memberi arahan kepada teleskop, sebuah bateri 12V "external" untuk membekalkan kuasa kepada teleskop dan Mintron.

Peralatan input, sebuah "hand controller" Autostar, yang juga merupakan otak bagi sistem GoTo teleskop ini. Autostar ini menyediakan senarai lengkap objek-objek di langit. Kita hanya perlu pilih objek pilihan, dan tekan butang "GoTo" pada "keypad hand controller" ini. Cukup mudah dan pantas.

Namun, lebih mudah menggunakan PDA (Tungsten T) disambung ke Autostar untuk memberi arahan, kerana antarmukanya lebih mudah. Perisian yang digunakan bernama PLANETARIUM untuk menyampaikan segala arahan kepada sistem Autostar. Perisian ini lengkap dengan carta bintang dan jadual kenampakan objek-objek. Kita hanya perlu klik pada objek yang diinginkan tanpa perlu mencari nama objek itu satu persatu.

Untuk melihat imej-imej yang diambil menerusi kamera Mintron, kita hendaklah menggunakan 2 peranti: Yang pertama ialah "laptop" menerusi "video capture card" (USB + external). Menerusi "laptop" ini, kita juga dapat merakamkan imej dan disimpan untuk diproses kemudian. Peranti yang ke-2 pula iaitu sebuah TV hitam putih 5.5". Ia mempunyai input AV yang membolehkan penyambungan kepada output AV pada Mintron.

Kelebihan menggunakan laptop ialah kita dapat merakamnya, tetapi kelemahan yang amat ketara ialah ia memerlukan sumber kuasa yang berterusan. Dengan TV pula kita boleh menggunakannya sepanjang malam tanpa perlu risau kuasa baterinya habis.

Secara umumnya, sistem teleskop yang digunakan menggabungkan 3 jenis alat. Teleskop yang paling asas ialah teleskop pencari, atau "finder scope", yang sebenarnya merupakan sebuah teleskop yang tersendiri, tetapi dengan saiz yang lebih kecil (Aperture 50mm dengan kuasa pembesaran 8X). Tujuannya adalah sebagai alat sasaran yang hendak dicari. Disebabkan kuasanya rendah, maka medan

penglihatannya lebih luas lalu memudahkan kita mencari objek-objek.

Teleskop utama bersaiz aperture 8" dengan f/10. Ia merupakan jenis Schmidt-Cassegrain atau SCT. Kelebihan teleskop jenis SCT ialah saiznya yang kecil dan pendek, memudahkan kita membawa ke mana-mana. Untuk kuasa pembesarannya, lebih mudah menggunakan zoom "eyepiece" dari vixen, 8mm-25mm.

Kamera Mintron 12V1-Ex merupakan alat merakam yang utama. Di dalam "setting" di sini, menggabungkan "lens"/kanta kamera Minolta MC 135mm f/2.8 dengan



Mintron, memberi kita medan penglihatan sekitar 3 darjah. Jika kita inginkan imej yang lebih besar, kita boleh terus gantikan "eyepiece" dengan Mintron. Imej Marikh dan Zuhul diambil dengan cara begini.

Kamera Mintron mempunyai 2 jenis output, BNC-to-RCA dan S-Video-to-S-Video. Kuasanya datang dari "external" bateri 12V. Ia mempunyai beberapa butang di belakangnya untuk kita keluarkan menu arahan yang dapat dilihat menerusi peranti output.

Mutuara Kata


- Keikhlasan itu umpama seekor semut hitam di atas batu yang hitam di malam yang amat kelam. Hanya wujud tapi amat sukar dilihat.
- Nikmat itu kadang-kadang tidak disedari, hanya apabila ia telah hilang barulah manusia benar-benar terasa.



PENGESEAHAN ARAH QIBLAT FEBRUARI - OKTOBER 2005

Sebanyak 73 buah lokasi pengesahan arah qiblat terdiri dari surau dan masjid telah dilakukan daripada bulan Februari hingga Oktober 2005. Sehingga kini sebanyak 202 lokasi telah dilakukan proses pengesahan. Berikut adalah beberapa lokasi yang telah disahkan. Untuk maklumat lanjut sila layari laman web: www.muftiselangor.gov.my

BIL.	NAMA MASJID/SURAU	PENGESEAHAN	LATITUD	LONGITUD	AZIMUT QIBLAT
1.	Surau Wisma MAIS Sek.3 Shah Alam.	14/2/2005	03° 04' 30.9"	101° 30' 40.2"	292° 35' 30"
2.	Surau Tmn.Pendamaran Permai, Pelabuhan Klang.	15/2/2005	02° 59' 6.1"	101° 24' 43"	292° 38' 31.4"
3.	Surau Pejabat RISDA Negeri Selangor, Sek.9 Shah Alam.	17/2/2005	03° 04' 59.6"	101° 31' 38.8"	292° 35' 7.84"
4.	Surau Darul Ehsan Bangunan SSAAS, Shah Alam	15/3/2005	03° 04' 59"	101° 30' 59"	292° 35' 13.5"
5.	Masjid Jln. Merah Saga U9/5 Kayangan Heights Shah Alam	15/3/2005	03° 08' 54.6"	101° 31' 00.6"	292° 33' 20.7"
6.	Surau Setingkat Lot 1332, Mkm. Petaling	15/3/2005	02° 59' 05.2"	101° 36' 27.1"	292° 37' 12.5"
7.	Surau Al-Falahiah, Kg.Pasir Hulu Kelang	16/3/2005	03° 12' 13.3"	101° 45' 48.2"	292° 29' 39.3"
8.	Tanah Perkuburan Islam Tmn.Seri Gombak	16/3/2005	03° 15' 20.6"	101° 42' 10.1"	292° 28' 40.8"
9.	Surau Al-Amin Tmn.Mawar 2, Bdr. Baru Salak Tinggi	17/3/2005	02° 49' 57.7"	101° 43' 52.4"	292° 40' 29.4"
10.	Surau As-Salam Jln. Layang Labi Kg.Labohan Dagang	17/3/2005	02° 47' 43.5"	101° 37' 15.9"	292° 42' 31.8"
11.	Surau Darul Karim Lot 832 Jln. Masjid Kanchong Darat, Kuala Langat	17/3/2005	02° 47' 56.9"	101° 28' 38.2"	292° 43' 43.3"
12.	Masjid Country Homes Bdr.Kundang, Gombak	23/3/2005	03° 19' 45.8"	101° 31' 41.1"	292° 28' 2.22"
13.	Surau Lot 5337 Serdang, Hulu Langat	23/3/2005	03° 00' 07.6"	101° 41' 13.8"	292° 36' 3.67"
14.	Surau Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Selangor	24/3/2005	03° 19' 15.4"	101° 16' 00.1"	292° 30' 30.1"
15.	Surau Kompleks Kerajaan Pejabat Tanah/Daerah Klang	28/3/2005	03° 02' 21.6"	101° 26' 44.8"	292° 37' 6.04"
16.	Surau di Kem Gelanggang Buaya, Mukim Kelanang, Banting, Kuala Langat	29/3/2005	02° 48' 44.4"	101° 26' 03.4"	292° 43' 43.7"
17.	Surau Kompleks Kastam Pulau Indah, Klang	31/3/2005	02° 56' 54"	101° 18' 50"	292° 40' 53"
18.	Surau Lot PT.No.13367 (B8) Mukim Petaling	31/3/2005	03° 03' 15.9"	101° 38' 16.5"	292° 34' 59.8"
19.	Surau Kompleks Selcyang Mall, Gombak	05/4/2005	03° 14' 13"	101° 38' 44"	292° 29' 41.8"
20.	Surau Asy- Syuro Bdr.Sg. Buaya, Rawang, Gombak	05/4/2005	03° 22' 55"	101° 32' 32"	292° 26' 24"
21.	Surau SRA Seksyen 7 Pusat Bdr.Sg. Buloh Petaling	07/4/2005	03° 10' 04"	101° 34' 34"	292° 32' 16"
22.	Surau Golden Hope Academy Pulau Carey Kuala Langat	13/4/2005	02° 55' 03"	101° 21' 08"	292° 41' 26"
23.	Surau Al- Falah Bdr.Damai Perdana, Cheras, Gombak	18/4/2005	02° 02' 34"	101° 44' 25"	292° 34' 26"



Esaksud hadis:

Barangsiapa yang memperhatikan kepentingan saudaranya, maka Allah akan memperhatikan kepentingannya. Barangsiapa yang melapangkan suatu kesulitan sesama muslim, maka Allah akan melapangkan satu kesulitan dari beberapa kesulitan dihari kiamat. Dan barangsiapa yang menutupi kejelekan orang lain maka Allah akan menutupi kejelekannya di hari kiamat

(Riwayat Bukhari dan Muslim)